



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN
JUN 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	03.06.2022	SPRM Buka 25 Kertas Siasatan, Panggil Kenamaan	2
2.	05.06.2022	'Isu Kos Selenggara Istana Cerita Lama'	3
3.	06.06.2022	Suami Isteri Minta, Terima Rasuah RM600,000 Direman	4
4.	08.06.2022	Pegawai MDM Didakwa Salah Guna Jawatan	5
5.	15.06.2022	CEO Ditahan Kes Rasuah Projek Menara Telekomunikasi	6
6.	15.06.2022	Empat Ditahan Kes Rasuah Pembekalan Hospital	7
7.	16.06.2022	100 Koperasi Di Bawah ANGKASA Sedia Sertai Ternakan Ayam	8
8.		ANGKASA Lulus RM14.26J Jalankan Projek Baharu	
9.	19.06.2022	SPRM Siasat Kelulusan Bayaran Projek Kompleks Beli Belah Siap 70 Peratus	9
10.		Siasat Dakwaan Tuntutan Palsu	
11.	20.06.2022	Tanah Rizab Melayu Di Dakwa Hanya Tinggal Kira-Kira 12 Peratus	10
12.		Tingkatkan Kesedaran Tebus Semula Tanah Rizab	
13.	21.06.2022	KKR Perlu Peruntukan RM3.4B Baiki Jalan	11
14.	23.06.2022	Wanita Hadapi 26 Tuduhan Tuntutan Palsu, Terima Suapan	12

Berita Harian | 3 Jun 2022 | Page 4

Isu pembelian untuk sektor kesihatan terbabit rasuah

SPRM buka 25 kertas siasatan, panggil kenamaan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka 25 kertas siasatan membabitkan pembelian dalam sektor kesihatan negara yang dikesan terbabit rasuah ketika pandemik COVID-19, sejak dua tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki, berkata pegawainya akan memanggil beberapa individu tertentu dalam tempoh terdekat termasuk kemungkinan kenamaan bertaraf menteri.

Katanya, setakat ini, pihaknya juga sedang menilai agensi tertentu yang mempunyai kaitan dengan pengurusan COVID-19 dalam tempoh berkenaan.

"Setakat ini, kita sedang meniasat pelbagai isu berkaitan (pembelian dalam sektor kesihatan negara) khususnya berkaitan pengurusan COVID-19 ketika tempoh wabak itu berlaku hingga sekarang.

"Kita sudah menerima pelbagai laporan daripada pelbagai pihak dan kita sudah membuka 25 kertas siasatan, namun saya tidak mahu menamakan mana-mana agensi.

"Siasatan ini berkaitan pe-

ngurusan COVID-19 sehingga tempoh sekarang dan pelbagai aspek akan kita maklumkan," katanya selepas merasmikan Program Pemantapan Wartawan Bersama SPRM, di sini semalam.

Bulan lalu, Azam mengesahkan SPRM sedang mengesan beberapa pembelian untuk sektor perkhidmatan kesihatan negara ini ketika pandemik COVID-19 melanda yang terpalit dengan rasuah.

Azam dalam ucapan Forum Anti Rasuah Malaysia ketika itu berkata, perbuatan itu menunjukkan ada individu tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membuat wang haram daripada kesakitan dan kesusahan orang ramai.

Katanya, siasatan yang dilakukan SPRM berhubung COVID-19 termasuk rasuah dalam perolehan perkhidmatan perubatan, penyalahgunaan kuasa dalam mengalih bantuan dan pakej rangsangan.

Sementara itu, ditanya mengenai kekeliruan dalam mengendalikan prosedur pembelian dalam sektor kesihatan negara seperti dibangkitkan bekas Menteri Kesihatan, Datuk



Azam bercakap kepada pemberita pada Program Pemantapan Wartawan Bersama SPRM di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Seri Dr Adham Baba, Azam berkata, perkara itu akan menjadi antara faktor penting dalam siasatan SPRM.

"Perkara dibangkitkan (Dr Adham) itu adalah di pihaknya, namun saya tidak mahu me-

rujuk khusus kepada Kementerian Kesihatan (KKM) atau sesiapa saja.

"Namun, perkara ini berkaitan kepada pengurusan COVID-19 dan banyak lagi," katanya.

Mengulas mengenai jenis pembekalan kesihatan yang sedang diasiat SPRM, Azam berkata, beliau tidak boleh mendedahkan perkara itu disebabkan siasatan sedang berlangsung.

5 JUN 2022 | MUKA SURAT : 7

'Isu kos selenggara istana cerita lama'

JKR dalam proses muktamadkan tender baharu

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Isu kos projek penyelenggaraan Istana Negara berjumlah RM519 juta yang ditawarkan kepada sebuah syarikat untuk tempoh tujuh tahun adalah cerita lama.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata projek itu dianugerahkan kepada

kontraktor pada 2017, namun ia kini dibangkitkan kembali.

"Itu projek lama yang hampir habis tempoh, sekarang (Jabatan Kerja Raya) dalam proses memuktamadkan tender untuk (projek) yang baharu.

"Kita tak buat kajian (terhadap kos) sebab itu cerita lama. Projek berkenaan dianugerahkan kepada syarikat kontraktor pada 2017," katanya selepas Majlis Penyerahan Jalan Kuala Teriang-Pantai Tengah Kepada Kerajaan Negeri di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas rungutan kos penyelenggaraan Istana Negara yang dianggap besar selepas didedahkan oleh World Of Buzz, 31 Mei lalu.

Fadillah berkata, beliau tidak pasti tujuan pihak yang membangkitkan semula perkara lama yang sudah selesai menjalani proses pengauditan.

"Pihak audit sudah buat pengauditan, manakala pihak istana memanggil kita untuk beri taklimat terhadap beberapa teguran.

"Ini cerita lama yang cuba dibangkitkan, mungkin ada tujuan tertentu," katanya.

Mengenai penyerahan Jalan Kuala Teriang-Pantai Tengah kepada kerajaan negeri, beliau berkata, ia bertujuan merencanakan pembangunan setempat dan menambah baik kesejahteraan pengguna," katanya.

Berita Harian | 6 June 2022 | Page 29

Suami isteri minta, terima rasuah RM600,000 direman

**Suspek ditahan
bantu siasatan
berhubung kerja
pelantikan
syarikat untuk GLC**

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruki@bh.com.my

Putrajaya: Sepasang suami isteri direman enam hari, bermula semalam, bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima suap lebih RM600,000 berhubung kerja pelantikan syarikat pengangkutan untuk sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC).
Majistret Shah Wira Abdul

Halim membenarkan kedua-dua suspek berusia 50-an dan 40-an itu direman hingga 10 Jun ini selepas mendengar permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pagi semalam.

Sumber berkata, pasangan itu ditahan di rumah mereka di Petaling Jaya, Selangor, kira-kira jam 7 malam kelmarin.

Katanya, suspek lelaki yang berkhidmat sebagai eksekutif kanan di sebuah GLC disyaki meminta 'habuan bulanan' kira-kira RM20,000 sebagai balasan melantik sebuah syarikat pengangkutan bagi penghantaran produk berasaskan minyak ke seluruh negara untuk tempoh antara Julai 2019 hingga April 2022.

Difahamkan, isteri suspek turut ditahan kerana dipercayai

bersubahat dengan suaminya untuk meminta dan menerima suap bagi pihak lelaki itu.

"Isteri suspek juga dipercayai mempunyai kawalan ke atas kad debit milik syarikat pengangkutan berkenaan, dan pemilik syarikat itu terbabit dalam urusan rasmi dengan suami suspek," katanya.

Menurut sumber itu lagi, eksekutif kanan terbabit sudah digantung tugas di syarikat berkenaan.

Sementara itu Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, menegaskan penahanan pasangan suami isteri terbabit.

Beliau berkata, kedua-dua mereka ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



Sepasang suami isteri direman enam hari bagi membantu siasatan kes minta dan terima rasuah RM600,000 di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.
(Foto Ihsan SPRM)



Sazawati didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

Pegawai MDM didakwa salah guna jawatan

Kuala Terengganu: Penolong Akauntan Kanan Majlis Daerah Marang (MDM) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam, atas tuduhan salah guna kuasa untuk mendapatkan suapan bagi kerja pemasangan karpet bernilai RM10,640.

Tertuduh, Sazawati Salleh, 49, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Dazuki Ali.

Tertuduh didakwa menggunakan jawatannya dengan menadangkan sebut harga syarikat untuk menjalankan kerja pemasangan karpet di ruang pejabat dan bilik pegawai bahagian kewangan MDM yang bernilai RM10,640.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Bahagian Kewangan MDM di Marang pada 12 Januari 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang tinggi, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dan menetapkan 17 Julai ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Mahkamah turut meletakkan syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM antara 1 hingga 5 hari bulan setiap bulan sepanjang prosiding.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Farah Yasmin Salleh manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Husni Mubarak Ghazali.

Berita Harian | 15 June 2022 | Page 20



Seorang ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat rangkaian telekomunikasi dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam. (Foto ihsan SPRM)

CEO ditahan kes rasuah projek menara telekomunikasi

Johor Bahru: Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat rangkaian telekomunikasi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan atas dakwaan meminta dan menerima rasuah RM200,000.

Jurucakap SPRM berkata, lelaki berusia 43 tahun itu ditahan menerusi satu operasi di Kuala Lum-

pur dan Selangor.

Beliau berkata, suspek ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin selepas hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

Berdasarkan siasatan, katanya suspek dipercayai meminta dan menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat lain sebagai dorongan untuk memberikan kerja berkaitan projek kejuruteraan pembinaan

dan pembaikan menara telekomunikasi bernilai kira-kira RM50 juta pada April tahun lalu.

Dalam pada itu, Mahkamah Majistret Shah Alam semalam membenarkan suspek direman empat hari sehingga 17 Jun ini.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Mohamad Redza Azhar Rezali susulan permohonan SPRM Johor.

Berita Harian | 15 June 2022 | Page 19



Sebahagian individu dibawa ke mahkamah untuk dapatkan perintah reman.

(Gambar ihsan SPRM)

Empat ditahan kes rasuah pembekalan hospital

Kuala Lumpur: Empat individu, iaitu dua bekas pegawai kanan sebuah hospital swasta dan dua pemilik syarikat pembekal direman bagi membantu siasatan membabitkan kes rasuah bernilai kira-kira RM200,000 yang dilakukan pada 2016 hingga 2019.

Difahamkan, semua suspek lelaki yang berusia di antara 34 hingga 65 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya petang kelmarin.

Sumber berkata, dua orang bekas pegawai kanan hospital swasta berkenaan dipercayai meminta dan menerima suapan daripada dua pemilik syarikat pembekal bagi membantu syarikat itu mendapat projek.

"Ia berkaitan kerja pembekalan peralatan perubatan, pembelian tanah, projek pembangunan dan pembekalan perkakasan teknologi maklumat kepada hospital di bawah syarikat hospital swasta berkenaan," katanya di sini, semalam.

Pengarah Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi *BH* mengesahkan penahanan reman itu dan semua suspek ditahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Majistret Shah Wira Abd Halim semalam mengeluarkan perintah reman selama enam hari bermula semalam hingga 19 Jun ini terhadap seorang bekas pegawai kanan hospital swasta dan dua pemilik syarikat pembekal.

Seorang lagi bekas pegawai kanan hospital swasta pula direman selama lima hari di Mahkamah Majistret Putrajaya.

16 JUN 2022 | MUKA SURAT : 1 & 5

100 koperasi di bawah ANGKASA sedia sertai ternakan ayam

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kira-kira 100 koperasi di negara ini berpotensi untuk terlibat dalam ternakan ayam dengan 19 daripadanya bersedia untuk mengusahakannya bagi mencapai sasaran menghasilkan 30 juta ekor ayam dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, Angkatan Ko-

operasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyasarkan bekalan 2.5 juta ekor ayam dapat dihasilkan untuk pasaran berdasarkan satu koperasi membekal 5,000 ekor ayam sebulan.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata semua koperasi diminta bekerjasama dengan ANGKASA untuk terlibat secara serius dalam ternakan ayam supaya mem-

perkasakan lagi sumbangan gerakan koperasi terhadap kestabilan ekonomi rakyat dan negara.

"Ketika ini, keupayaan sebuah koperasi adalah menghasilkan kira-kira 5,000 ekor ayam dalam masa sebulan dan jika 100 koperasi menyertainya, kita menyasarkan 2.5 juta ekor ayam sebulan.

Nasional 5

ANGKASA lulus RM14.26j jalankan projek baharu

Dari Muka 3

"Kita yakin sasaran menambak bilangan koperasi ini dari semasa ke semasa ini tercapai, berikutan permintaan ayam ini memang tersedia dalam segmen pasaran kerana harga ayam adalah lebih rendah dari sumber protein lain seperti ikan dan daging," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan ANGKASA akan mengusahakan tanaman jagung bijirin skala besar dalam usaha mengurangkan kebergantungan bekalan makanan import, khususnya kepada ternakan ayam.

Perdana Menteri juga berkata, NAFAS turut menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran 144 juta ekor ayam setahun, manakala 30 juta ekor lagi dikeluarkan oleh ANGKASA.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, ketika ini projek rintis tanaman jagung berkeluasan 25 hektar sudah dijalankan oleh ANGKASA di Ladang Hosba, Pendang, Kedah dengan menghasilkan 240 tan jagung bijirin



Pelbagai strategi dirancang NAFAS dan ANGKASA bagi meningkatkan pengeluaran serta memenuhi permintaan ayam di pasaran. (Foto hiasan)

untuk empat kali hasil tuaian.

"Selain itu, kita juga sudah mengenal pasti 4,000 hektar tanah di seluruh negara untuk dimajukan sebagai projek penanaman jagung bijirin dan ada antara tanah itu milik koperasi."

"Kita akan memulakan projek penanaman ini di bawah Program Pemerkasaan Koperasi (CEP) ANGKASA dan selepas ia kukuh, kita akan menyerahkan kepada koperasi yang mempunyai kekuatan untuk mene-

ruskannya," katanya.

Setakat ini, ANGKASA sudah meluluskan peruntukan RM14.26 juta bagi menjalankan projek baharu, termasuk penanaman jagung bijirin.

Abdul Fattah berkata, sampai masanya koperasi meluaskan lagi jaringan perniagaannya dan tidak hanya terlibat dalam sektor pembekalan sahaja.

"Koperasi perlu rebut peluang dalam semua peringkat iaitu pembiakan, penyediaan makanan melalui penanaman jagung

bijirin, penyediaan reban, logistik dan rantian pembekalan sehingga kepada pengguna.

"Justeru, pengeluaran jagung bijirin ini juga penting kerana ia adalah salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada harga ayam yang kian meningkat pada ketika ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob, berkata tanah seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu dikenal pasti berpotensi

"Kita juga sudah mengenal pasti 4,000 hektar tanah di seluruh negara untuk dimajukan sebagai projek penanaman jagung bijirin dan ada antara tanah itu milik koperasi"

Abdul Fattah
Abdullah,
Presiden
ANGKASA



dimajukan bagi tanaman jagung bijirin berskala besar.

Beliau berkata, semua tanah berkenaan adalah milik pengusaha tanaman tembakau dan tanah itu didapati sesuai untuk tanaman jagung.

"Perbincangan pertama dengan pemilik tanah dilakukan baru-baru ini dan mereka bersetuju. Bagaimanapun, perbincangan seterusnya akan dilakukan lagi untuk merealisasikan hasrat penanaman jagung bijirin itu," katanya.

Berita Harian Ahad | 19 June 2022 | Page 3, 4

SPRM siasat kelulusan bayaran projek kompleks beli-belah siap 70 peratus

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat projek pembinaan sebuah kompleks beli-belah mega di Kuala Terengganu yang dibangunkan dengan kos lebih RM300 juta dengan suntikan pelaburan dari sebuah

agensi berkaitan kerajaan.

Tumpuan siasatan antara lain berkaitan tuntutan bayaran yang dipercayai sudah diluluskan walaupun projek berkenaan yang dikatakan menerima suntikan pelaburan sehingga RM324 juta, hanya siap kira-kira 70 peratus.

Nasional 4

1/2

Siasat dakwaan tuntutan palsu

Dari Muka 3

Sumber memberitahu BH, projek berkenaan dipantau suruhanjaya itu selepas ia didapati masih belum disiapkan biarpun bayaran pembinaan sudah diluluskan.

Difahamkan, kompleks beli-belah berkenaan yang dibangunkan dalam fasa satu projek pembangunan terbabit, bakal berfungsi sebagai ruang pameran dan jualan pelbagai produk keluaran tempatan serta antabangsa.

Walaupun belum disiapkan sepenuhnya, pihak yang terbabit dalam projek kompleks itu didakwa sudah menerima sejumlah bayaran yang besar selepas mendakwa kerja pembinaan hanya tinggal tiga peratus untuk disiapkan.

"Bagaimanapun siasatan dan pemantauan SPRM hasil maklumat awam mendapati kompleks itu masih jauh ketinggalan untuk di-

Eksklusif

siapkan berbanding tempoh ia dijadualkan siap dan kemungkinan wujud tuntutan palsu dalam kes berkenaan.

"Dalam tuntutan itu, mereka mendakwa projek terbabit sudah siap sehingga 97 peratus, bermakna hanya tinggal beberapa perkara kecil sebelum ia selesai sepenuhnya.

"Bagaimanapun, apabila SPRM dapat laporan dan siasat, projek itu didapati hanya siap sekitar 70 peratus, namun tuntutan pembayaran dipercayai sudah diluluskan," kata sumber berkenaan.

Katanya lagi, pembinaan komp-

leks beli-belah itu hanya membatikan fasa satu projek pembangunan berkenaan.

Kelmarin, SPRM menahan empat individu berusia 28 hingga 48 tahun, termasuk seorang pengurus syarikat hartanah kerana disyaki bersubahat membuat tuntutan palsu bagi projek pembangunan di Pantai Timur bernilai lebih RM300 juta.

Tiga daripada empat yang ditahan adalah pengurus projek, pengarah urusan dan arkitek daripada syarikat kontraktor dan juruperingan yang ditahan di pejabat SPRM Terengganu, manakala seorang lagi ditahan di ibu negara.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan semua individu terbabit yang dibenar direman enam hari sehingga Rabu depan oleh Mahkamah Majistret Kuala Terengganu.

2/2

20 JUN 2022 | MUKA SURAT : 1 & 3

Tanah rizab Melayu didakwa hanya tinggal kira-kira 12 peratus

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyusutan tanah rizab Melayu, pendidikan dan hal ehwal ekonomi menjadi tiga isu utama yang perlu diberi perhatian serius oleh orang Melayu di negara ini.

Perkara itu juga akan diangkat sebagai teras perjuangan Lembaga Peradaban Melayu

(ADAB), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan bagi mengasuh anjakan minda bangsa untuk menghadapi segala tekanan dan cabaran semasa.

Timbalan Pengerusi ADAB, Prof Datuk Dr Zainal Kling menegaskan, isu tanah rizab Melayu adalah isu besar kerana jumlah tanah berstatus demikian berkurangan dengan men-

dadak daripada lebih 50 peratus suatu ketika dulu kepada hanya kira-kira 12 peratus ketika ini.

"Ia sudah diambil dan dibangunkan dengan pelbagai projek, projek kerajaan dan projek perumahan. Walaupun ada undang-undang (tanah rizab yang diambil) mesti diganti serta-merta, tetapi tidak digantikan.

Nasional 3

Nasional

Tingkatkan kesedaran tebus semula tanah rizab

Dari Muka 1

"Maka banyaklah tanah rizab yang diambil oleh kerajaan negeri, tetapi tidak diganti sebaik-baiknya dengan tanah yang sama tara, sama taraf dan sama nilai.

"Jadi hasilnya sekarang, di Kuala Lumpur misalnya, hanya tinggal tiga peratus tanah rizab Melayu merangkumi kawasan di Gombak dan perkampungan Melayu," katanya kepada *BH* selepas Mesyuarat Agung Tahunan ADAB, di sini semalam.

Beliau menggesa pihak yang berkenaan mencari jalan menebus tanah rizab yang sudah diambil dan tergadai kepada bangsa lain atau menggantikannya dengan tanah lain yang sama nilai, malah tindakan pendakwaan di mahkamah harus diambil jika perlu untuk menegakkan keadilan.

"Jika boleh, ambil semula dan dakwa orang salah guna kuasa yang meminda status tanah berkenaan. Jika perlu tuduh di mahkamah demi memperoleh keadilan, maka langkah itu perlu dilakukan segera jika pengambilan tanah rizab Melayu yang dibuat itu salah dari sudut undang-undang.

"Kita juga minta tidak ada lagi orang gunakan kuasa po-

litik dan kuasa undang-undang untuk ambil alih tanah rizab Melayu yang kemudian dipinda serta diubah statusnya tanpa diganti.

"Jika tidak boleh (tebus) dan ada banyak masalah, maka kita minta supaya diganti dengan tanah lain yang ada. Ini kita timbulkan kerana (penyusutan tanah rizab Melayu) sudah menjadi masalah kepada bangsa Melayu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi ADAB, Datuk Ghazali Yusof, berkata tiga isu yang diberi tumpuan itu akan dibincangkan dengan serius dalam beberapa program yang bakal dilaksanakan NGO berkenaan kelak.

Katanya, perbincangan holistik dan mendalam mengenai perkara itu akan turut digerakkan oleh NGO Melayu lain demi kebaikan sejangat.

"Kita angkat isu ini supaya orang Melayu sedar dan fikirkan langkah untuk bertindak secara wajar. Kita akan bekerjasama dengan banyak NGO Melayu lain supaya kita ada pendekatan yang kolektif demi membangkitkan kesedaran orang Melayu.

"Kesedaran orang Melayu dalam isu-isu seperti ini dilihat semakin berkurangan, terutama membabitkan tanah rizab," katanya.

● Kita akan bekerjasama dengan banyak NGO-Melayu lain supaya kita ada pendekatan yang kolektif demi membangkitkan kesedaran orang Melayu

Ghazali Yusof,
Pengerusi ADAB



● Maka banyaklah tanah rizab yang diambil oleh kerajaan negeri, tetapi tidak diganti sebaik-baiknya dengan tanah yang sama tara, sama taraf dan sama nilai



Zainal Kling,
Timbalan Pengerusi ADAB

21 JUN 2022 | MUKA SURAT : 9

KKR perlu peruntukan RM3.4b baiki jalan

Gerik: Kementerian Kerja Raya (KKR) memerlukan peruntukan RM3.4 bilion bagi membaiki jalan Persekutuan yang rosak di seluruh Semenanjung Malaysia.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata peruntukan diperlukan bagi memulakan kerja penambahbaikan dari segi penurapan, membuat lapisan atau jalan baharu, yang dijangka siap semuanya tahun depan.

"Kita sedar, banyak keutamaan diambil kira sebelum peruntukan dikeluarkan yang kadangkala tidak mencukupi, seperti RM68 juta yang diperlukan di Laluan Persekutuan FT004 (Jalan Timur Barat) ini."

"Kita tidak salahkan Kementerian Kewangan (MOF), tetapi itulah cabaran dihadapi. Namun kita akan cari jalan untuk membaikinya dari segi jangka pendek atau jangka panjang."

"KKR sudah kenal pasti jalan

tunggakan, bukan saja di Perak tetapi di seluruh Semenanjung Malaysia yang perlu diperbaiki selepas lima atau tujuh tahun tarikh hayatnya, kerana lapisan asal jalan tidak mampu lagi menampung (trafik). Bayangkan pula jika jalan itu dibina 40 tahun lamanya seperti di Gerik ini," katanya pada sidang media selepas sesi taklimat berhubung Laluan Persekutuan FT004 (Jalan Timur Barat) kira-kira 130 kilometer dari Ipoh, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohammad.

Fadillah berkata, kebiasaannya, antara langkah awal atau pelan jangka pendek dilakukan KKR, dengan membuat tampalan semula sebelum membina lapisan atau jalan baharu di lokasi jalan Persekutuan yang dikenal pasti.

Mengulas lawatannya, Fadillah berkata, kerja penampalan



Saarani (tiga dari kanan) bersama Fadillah (dua dari kanan) meninjau keadaan jalan Persekutuan yang rosak di Jalan Gerik - Jeli, semalam.
(Foto BERNAMA)

dan penurapan di jalan itu akan dibuat segera Sabtu ini, selepas tinjauan kira-kira sejam bersama Saarani di kawasan itu dan melihat sendiri kesukaran dihadapi pengguna.

Laluan Persekutuan FT004 itu adalah jalan utama Timur-Barat di zon utara Malaysia yang menghubungkan tiga negeri bermula di Kulim, Kedah melalui Gerik, Perak dan berakhir di Pasir Puteh, Kelantan dengan jarak keseluruhan jalan adalah 291.99 kilometer.

Laluan FT004 dalam Perak adalah sepanjang 114.660 kilometer bermula di Seksyen 83.74 di sempadan Kedah dan berakhir di Seksyen 198.40 di sempadan Jeli, Kelantan.

Antara jenis kerosakan jalan dikenal pasti termasuk kerosakan permukaan jalan, garisan cat jalan pudar, kerosakan lampu jalan dan kerosakan longkang yang mengakibatkan air bertakung.

BERNAMA



Hazalilah (kanan) hadir di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

(Foto Izz Lally Hussein/BH)

Wanita hadapi 26 tuduhan tuntutan palsu, terima suapan

Johor Bahru: Seorang penyelia asrama sebuah sekolah sukan di Bandar Penawar, Kota Tinggi, di hadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 26 pertuduhan membuat tuntutan palsu, menerima dan diberikan suapan keseluruhan membabitkan jumlah lebih RM636,000.

Hazalilah Ahmad, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan itu selepas ia dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan 22 kertas pertuduhan pertama, ibu kepada empat anak itu didakwa membuat tuntutan palsu iaitu dokumen berkaitan bekalan makanan bermasak Islam ke sekolah sukan itu, yang mana jumlah bekalan yang tidak sepatutnya dituntut adalah sebanyak RM504,752.

Jumlah wang itu diperoleh untuk dirinya dengan cara memalsukan dokumen iaitu Nota Minta, Borang Pesanan Asrama, Invois Syarikat Kontraktor dan Pesanan Sekolah bagi tujuan menipu.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh sepanjang 2016 hingga 2017 dan pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksan

yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, bagi dua lagi pertuduhan, wanita itu didakwa menerima wang berjumlah RM69,743.04 melalui akaun bank milik suaminya.

Perbuatan yang dilakukan itu berkaitan tugas rasminya sebagai penyelia asrama dengan memperakukan kerja dilaksanakan dengan memuaskakan bagi pembekalan makanan bermasak Islam kepada pelajar asrama sekolah itu.

Bagi perbuatan yang dilakukan antara Oktober 2015 hingga Januari 2016, dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

Bagi dua pertuduhan terakhir pula, tertuduh didakwa diberikan wang suapan berjumlah RM61,600 melalui akaun bank milik suaminya bagi membantu menguruskan dokumen tuntutan pembekalan makanan bermasak Islam kepada pelajar asrama itu.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 22 Ogos depan.